



[Home](#) / [2025](#) / [May](#) / UiTM Anjur Pertandingan Pengaturcaraan Peringkat Kebangsaan – ProSolve National'25

SINERGI

22/05/2025 / FSKM NEWS



SHAH ALAM, 16 Mei 2025 – Persatuan Artificial Intelligence Society (AIS), Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan kerjasama Globalite Solution Sdn. Bhd., telah berjaya menganjurkan program ProSolve National 2025. Pertandingan pengaturcaraan peringkat kebangsaan ini diadakan secara dwipusingan, iaitu pusingan pertama secara dalam talian pada 19 April 2025, manakala pusingan akhir secara bersemuka pada 26 April 2025, bertempat di Dewan Al-Ghazali (DAG), KPPIM.

Pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penglibatan 240 peserta membentuk 60 kumpulan dari 17 universiti berbeza termasuk universiti awam, swasta dan politeknik pada pusingan pertama. Kumpulan ALT + F4 dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah dinobatkan sebagai juara, membawa pulang wang tunai berjumlah RM1,500. Tempat kedua dimenangi oleh kumpulan Apes, Together Strong daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan wang tunai RM1,000, manakala tempat ketiga diraih oleh kumpulan BroSolve dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan wang tunai RM500. Kumpulan pemenang tempat ke-4 hingga ke-10 turut menerima hadiah saguhati berjumlah RM200 setiap satu, serta sijil pencapaian dan penyertaan.







Majlis penyampaian hadiah dan penutup ProSolve National 2025 dirasmikan oleh Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) KPPIM, Prof. Madya Ts. Dr. Atiqah Sia Abdullah, dan turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Shamila Mohamed Shuhidan yang menjalankan tugas sebagai Dekan Penyelidikan dan Inovasi, KPPIM. Hadir sama ialah wakil Globalite Solution, para penaja program, barisan pensyarah pengiring dan pensyarah KPPIM, serta para peserta dari 10 kumpulan teratas.

Program ProSolve National 2025 yang berjaya dilaksanakan ini bertujuan memperkasakan pengetahuan dan kemahiran pelajar universiti di seluruh Malaysia dalam bidang pengaturcaraan. KPPIM terus komited dalam menyediakan pengalaman penganjuran peringkat kebangsaan di kalangan pelajarnya serta menyediakan kemahiran tinggi dalam akademi, selaras dengan sasaran Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah Universiti Terkemuka Dunia (Globally Renowned University, Locally Rooted). Penganjuran seperti ini juga berupaya meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dengan pihak industri mahupun institusi akademik luar UiTM, serta melahirkan graduan UiTM yang serba boleh dan holistik, yang memberi impak positif serta menyumbang kepada agama, masyarakat, dan negara.

Penulis: Dr Farah Aqilah Bohani; Editor: Siti Nur Kamaliah Kamarudin, FSKM News Team.

[f Share](#)
[X Post](#)
[in Share](#)

Tags: [TARAF TEKNOLOGI DAN MATEMATIKA \(TORM\)](#), [UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA \(UTM\)](#)



QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

